

## Kedai dobi meletup

**Wanita melecur  
50 peratus  
anggota badan**


HIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR

**S**eorang wanita melecur 50 peratus bahagian badan dalam insiden kebakaran di kedai dobi dan rumah kedai di Taman Jinjang Baru di sini, malam kelmarin.

Pengarah Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, Khiruddin Drahman, berkata, pihaknya menerima panggilan mengenai kebakaran tersebut pada 8.05 malam daripada orang awam.

Menurutnya, tiga jentera dan sebuah EMRS dari Balai Bomba dan Penyelamat



Keadaan kedai dobi yang meletup dan terbakar dalam kejadian di Jinjang Baru, malam kelmarin.

(BBP) Jinjang, Sentul, Hang Tuah dan Sri Hartamas ber-gegas ke lokasi kejadian.

"Saksi dan anggota dalam

operasi memberitahu berlaku tiga letupan di rumah kedai tersebut yang merupakan kedai dobi. Mangsa yang cede-

ra adalah pelanggan kedai terbabit. 80 peratus bangunan tersebut musnah dalam kejadian itu.

"Api dapat dikawal pada pukul 8.22 malam," katanya kepada *Sinar Harian*.

Khiruddin berkata, siasatan awal mendapati berkemungkinan berlaku kebocoran gas menjadi punca kejadian.

"Berdasarkan keterangan saksi iaitu tuan punya dan penyelenggara, tong dan sistem perpaipan baru diselenggara sebelum kejadian.

"Kemungkinan besar berlaku kebocoran selepas penyelenggaraan. Saksi maklum ada tercium bau gas. Sumber percikan menyebabkan berlaku letupan. Walau bagaimanapun siasatan lebih terperinci masih dijalankan," katanya.

Seramai 35 anggota bomba dan penyelamat terlibat dalam operasi berkenaan.